

KEMAJUAN INOVASI APLIKASI TAHFIZ DIGITAL: SATU KEMUDAHAN BAGI PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA**INNOVATIVE PROGRESS OF DIGITAL TAHFIZ APPLICATION: A FACILITY OF TAHFIZ AL-QUR'AN STUDY IN MALAYSIA**

Syarul Azman Shaharuddin¹, Safinah Ismail², Nor Musliza Mustafa, Mardhiah Yahaya³, Khairul Syafiq Razali⁴

^{1,2}Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, FPPI, Universiti Islam Selangor, Malaysia syarulazman@kuis.edu.my

³Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), mardhiah@usim.edu.my³ Jawatan Akademik Institusi, Alamat email.

⁴Pensyarah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), ksyafiq@unipsas.edu.my

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembetulan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Pengajian Tahfiz antara modul pengajaran yang mengambil tempat di institusi kerajaan dan juga swasta. Saban tahun berlalu, jumlah pengeluaran huffaz dari institusi, pusat dan madrasah mencapai angka yang dapat dibanggakan. Ini kerana impak daripada model dan modul pembelajaran yang digunakan dan diimplimentasikan dalam silibus pengajaran. Namun, mutakhir ini dunia sempat dikejutkan dengan penularan virus COVID-19 yang akhirnya sempat mengorbankan jutaan jiwa dan memusnahkan ekonomi di pelbagai negara, malah ianya juga memberi impak kepada sektor pendidikan termasuklah pengajian Tahfiz. Masyarakat dunia yang masih dalam proses adaptasi akhirnya menerima kenyataan betapa pentingnya teknologi dalam pendidikan bagi meneruskan kembali rutin agar generasi baru ini tidak terkapai-kepai pada masa hadapan, walaupun hakikatnya ia memberikan kesan yang mendalam dalam sektor pendidikan, apabila standard pendidikan anak-anak berada di tahap yang tidak memuaskan. Justeru, fokus kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti aplikasi digital Tahfiz yang wujud di dalam Google play dan Apps store dan kelebihan-kelebihannya. Dengan menggunakan metode kualitatif berdasarkan analisis dokumen terhadap kajian-kajian lepas dan pemerhatian terhadap aplikasi di dalam pasaran digital, pengkaji mendapati terdapat sembilan aplikasi Tahfiz digital yang sedang dipasarkan di dalam Google Play dan Apps Store. Sekali gus menunjukkan kebolehpasaran inovasi digital dalam sistem pembelajaran dan pengajaran Tahfiz, ianya memperlihatkan kemampuan untuk institusi ini untuk bergerak seiring dengan aliran perdana yang lain. Persoalannya bagaimanakah penerimaan pelajar dan bagaimanakah impaknya kepada para pelajar, adakah hasilnya positif atau sebaliknya. Kemajuan teknologi dalam pengajian Tahfiz al-Quran adalah satu keperluan mengikut peredaran zaman, dan ia sekali gus menunjukkan pendidikan Tahfiz tidak ke belakang berbanding pengajian aliran perdana yang lain. Kesimpulannya, inovasi aplikasi Tahfiz digital bukan sahaja satu keperluan, tetapi kemudahan yang seharusnya dapat melahirkan lebih ramai lagi generasi Tahfiz pada masa akan datang.

Kata kunci

Inovasi Digital, Teknologi, Pengajian Tahfiz al-Quran, Pendidikan, Tahfiz Digital.

Abstract

Tahfiz education is a module of teaching that takes place in both government and private institutions. With each passing year, the number of graduates of huffaz from these institutions, centers, and madrasahs reaches an impressive figure. This is due to the impact of the models and learning modules implemented in the teaching syllabus. However, recently the world was shocked by the spread of the COVID-19 virus, which ultimately claimed millions of lives and devastated economies in various countries. It also had an impact on the education sector, including Tahfiz studies. The global community, still in the process of adaptation, finally acknowledged the importance of technology in educational sectors to resume routines, ensuring that the new generation does not fall behind in the future, even though it deeply affects the education sector when the standards of children's education are unsatisfactory. Therefore, the focus of this study is to identify digital Tahfiz applications available in Google Play and the App Store and their advantages. Using a qualitative method based on document analysis of past studies and observation of applications in the digital market, the researcher found nine digital Tahfiz applications currently marketed in Google Play and the App Store. This demonstrates the marketability of digital innovation in the Tahfiz teaching and learning system, showing its ability for these institutions to keep pace with other mainstream trends. The question is how students accept it and what its impact is on them, whether the results are positive or otherwise. Technological advancement in Quranic Tahfiz studies is a necessity in keeping with the times, and it also shows that Tahfiz education is not lagging behind compared to other mainstream studies. In conclusion, digital Tahfiz application innovation is not only a necessity but also a convenience that should produce even more Tahfiz generations in the future.

Keywords

Digital Innovation, Technology, Tahfiz Al-Quran Study, Education, Digital Tahfiz.

1.0 Pendahuluan

Pendidikan Tahfiz yang semakin tinggi permintaannya dalam dunia pendidikan merupakan asas yang sangat signifikan dalam melahirkan masyarakat yang berkarisma dan mempunyai aqidah yang mantap walaupun berada di dalam dunia yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman sementelahan pula ia bukan sahaja menjadi petunjuk dalam urusan duniawi semata-mata bahkan menyentuh berkaitan hubungan manusia dan Tuhan.

Menurut Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017) penghasilan murid yang holistik dan berkualiti telah direalisasikan berdasarkan falsafah pendidikan negara ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, jasmani seiring dengan kehebatan mukjizat al-Quran itu sendiri.

Pendidikan tahfiz merupakan faktor pemangkin yang mempengaruhi pencapaian akademik terutama dalam kalangan murid Islam (Salasiah 2012). Tambahan pula daripada faktor-faktor yang lain seperti sosioekonomi, tahap pendidikan ibubapa, pendapatan keluarga, motivasi diri, gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran turut berperanan dalam menentukan keberhasilan akademik murid selain hafazan al-Quran (Mardhiah Yahya, 2016).

Sehingga kini, perkembangan pengajian dan institusi tahfiz di Malaysia amat memberangsangkan. Kesedaran masyarakat Islam Malaysia umumnya tentang perlunya mendekati diri dengan al-Quran semakin menebal dan mendapat perhatian. Natiujahnya, telah wujud begitu banyak sekali pusat pengajian dan institusi tahfiz yang masing-masing telah menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Matlamatnya adalah satu iaitu untuk membuka ruang dan peluang kepada masyarakat yang berminat untuk menghafaz dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran. Namun konteks pengurusannya adalah berbeza. Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kerajaan dan swasta. Kedudukan ini akan memperlihatkan kepada kita prospek dan cabaran sebenar terhadap hala tuju institusi tahfiz negara. Penilaiannya harus mengambil kita beberapa aspek utama seperti tahap pengajian merangkumi rendah, menengah dan pengajian tinggi, penarafan sijil sama ada diiktiraf atau tidak oleh kerajaan, kelangsungan pengajian di dalam dan luar negara, keperluan kolaborasi yang bersifat silang ilmu dan sebagainya. Kepelbagaian dan keragaman ini sebenarnya telah membuka ruang dan prospek yang luas ke atas perkembangan institusi tahfiz di Malaysia dan dalam sisi yang sama ia juga turut memberi cabaran untuk mengurus pendidikan tersebut akibat dari melebarnya masalah-masalah berbangkit dari kepelbagaian dan keragaman tersebut (Ismail, S., 2016).

2.0 Tinjauan literatur

Syed Hassan, S. N., Zainuzi, N. I. H. M., Asa, S. N. B. M., Zamzuri, S. N. A. B., & Zulkarnain, A. E. B. (2022) dalam sebuah kajian bertajuk Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran telah membahaskan berkenaan penggunaan teknologi maklumat melalui telefon pintar dalam pembelajaran tahfiz Quran. Bagi mendapatkan bukti, kajian ini telah mengaplikasikan metode dokumentasi sebagai metode utama untuk mengumpulkan data-data kajian. Data diperolehi melalui pengumpulan data-data dari sumber internet, bertulis dan bercetak sedia ada seperti jurnal dan sebagainya. Oleh itu, usaha ini dapat membentuk Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pengajian tahfiz menjadi lebih efektif, menarik dan sesuai dengan perkembangan dan kehendak pembelajaran semasa, serta menyumbang kepada pembentukan generasi huffaz yang berkualiti. Selain itu, pendidikan tahfiz yang mempunyai organisasi terancang yang mengikut peredaran zaman dapat menghasilkan kecekapan dan keberkesanan dalam hafazan. Penggunaan kemudahan teknologi secara optimum perlulah diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan pendidikan tahfiz tidak ketinggalan.

Siti Salma Mohamad Shokri et al. (2021), dalam kajiannya yang bertajuk "Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)", blended learning (BL) merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi menilai tahap penggunaan aplikasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran bagi program tahfiz di UNITEN. Mengikut dapatan analisis, terdapat empat jenis inovasi digital yang digunakan dalam program Tahfiz UNITEN iaitu memuat naik bahan kursus dalam Moodle, menggunakan audio-visual seperti PowToon, Panopto, dan YouTube, penilaian berterusan melalui platform Moodle dan menjalankan aktiviti dalam talian seperti Kahoot, Padlet, Coggle, Sentimeter dan Plickers. Usaha yang dijalankan ini dapat membantu pengajian tahfiz supaya lebih berkesan dan menarik sesuai dengan perkembangan pembelajaran semasa.

Di samping itu, Mardhiah Yahya (2021) dalam tesis PhD yang bertajuk “Pembangunan Model Pengajaran Tahfiz Berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi” menyimpulkan bahawa pengintergrasian Information and Communications Technology (ICT) dalam pengajaran tahfiz menjadi keperluan kepada Pendidikan tahfiz. Dapatan dari keperluan tersebut membawa kepada pembangunan model pengajaran tahfiz yang berasaskan ICT. Implikasi kajian merumuskan model ini mampu menyumbang kepada pengajaran tahfiz yang lebih sistematik dan inovasi hasil dari penerapan elemen ICT dalam pengajaran. Di samping itu juga, turut menjadi bahan rujukan dan panduan kepada guru tahfiz melakukan penambahbaikan terhadap proses pengajaran agar lebih menarik dan kreatif mengikut pendidikan terkini iaitu pendidikan abad ke 21.

Seterusnya, Ihsan, M. Arinal (2015) mengatakan bahawa aplikasi “Muroja’ah Al-Quran” sebagai medium untuk membantu menghafal juz amma dalam bentuk android. Kajian ini mengatakan bahawa telefon pintar mempunyai peranan penting dalam dunia maklumat pada zaman ini. Dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih, penggunaan peranti telefon pintar sebagai peneman dalam menjalankan aktiviti harian sudah menjadi perkara biasa bagi sesetengah masyarakat. “Muroja’ah Al-Qur’an” ini dibina bertujuan untuk membangunkan aplikasi mudah alih sebagai medium untuk membantu menghafal bacaan al-Quran. Aplikasi ini dibina dengan teknologi peranti mudah alih berasaskan android yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia yang boleh menggabungkan antara teks, imej dan audio dalam satu peranti. Aplikasi ini dapat memudahkan para huffaz untuk menghafal dan mengulang kaji al-Quran setiap masa.

Di samping itu, Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2015) telah menghasilkan satu kertas kerja yang bertajuk “Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal”. Kertas kerja ini membincangkan kajian berkaitan dengan kaedah hafazan al-Quran secara tradisional dan moden bagi mengenalpasti kajian lanjutan yang diperlukan untuk pengukuhan kaedah hafazan sedia ada. Melalui kajian ini, penulis meneroka isu dan kaedah hafazan al-Quran yang masih belum terbangun sepenuhnya. Perkembangan pembangunan beberapa institusi Tahfiz al-Quran menjadikan sistem hafazan al-Quran diperkemaskan dengan pelbagai teknik dan kaedah berkesan serta bersistematik dalam membantu memudahkan proses menghafal al-Quran dengan sempurna.

Merujuk kajian dari Bahari, F. pada tahun 2008 dari Universiti Teknologi Malaysia, di dalam kajiannya iaitu “Al-Quran Interaktif (Iqra’)” menyebut bahawa penggunaan teknologi boleh dijadikan alternatif dan jalan penyelesaian kepada masalah pembelajaran al-Quran. Kajian ini juga membahaskan tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran al-Quran dan mengkaji tentang kelemahan dalam aspek bacaan, tahap penguasaan al-Quran, amalan dan kesedaran membaca al-Quran serta kebolehan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar.

Konklusinya, daripada kajian lepas didapati bahawa terdapat beberapa inovasi teknologi maklumat dalam pengajaran tahfiz Quran yang telah dilakukan. Sekali gus menunjukkan bahawa teknologi maklumat ini boleh dijadikan alternatif supaya boleh memberi pembaharuan dan kreativiti dalam pembelajaran tahfiz Quran.

3.0 Pengajian Tahfiz di Malaysia

Pengajian tahfiz telah bertapak di Alam Melayu sejajar dengan kedatangan Islam. Ia mula diperkenal di surau, masjid dan rumah tuan guru dalam bentuk yang tidak formal (Fazlullah Shuib 1995) dan digandingkan bersama-sama mata pelajaran asas Islam yang berkaitan fardu ain dan fardu kifayah. Sarjana menggelarkannya sebagai pengajian

“Alif Ba Ta” (Abdullah Jusuh, 1989) atau sekolah al-Quran (Abdullah Ishak 1995, Shamsul A.B. 2002, Rosnani Hashim 2004). Kaedah pembelajaran memberi fokus kepada proses mengenal, mengeja dan menghafaz bermula dari *Mukaddham* hinggalah kepada surah lain di dalam al-Quran. Guru pula terdiri dari mereka yang arif tentang ilmu al-Quran. Suasana secara tidak formal ini berterusan sehinggalah timbul idea tentang penubuhan pengajian tahfiz secara formal, sistematik dan tersusun berikutan saranan al-Marhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra yang tercetus dari penganjuran Ujian Tilawah al-Quran Kebangsaan pada tahun 1960 (Noor Hisham Md Nawi, Muriyah Abdullah et. al. 2015).

Cadangan mewujudkan pengajian tahfiz secara formal ini telah berjaya direalisasikan pada tahun 1966 dengan tertubuhnya ‘Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat’ yang diletakkan dibawah pengelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Ia sebagai usaha dan wadah rasmi bagi masyarakat Islam di Malaysia untuk mempertingkatkan kualiti bacaan al-Quran (Nordin Ahmad 2015; Wan Muhammad A. Aziz 2003). Hasil dorongan dan permintaan yang tinggi oleh masyarakat, institusi ini terus berkembang dan telah dinaiktaraf menjadi Maahad Tahfiz wal Qiraat pada tahun 1972 seterusnya menjadi Darul Quran pada tahun 1998. Pengajian hafazan al-Quran telah diangkat sebagai teras utama pengajian dan telah diperkukuhkan dengan ilmu Islam lain seperti qiraat, dakwah, syariah, hadis, muamalat dan pengurusan halal. Pada peringkat awal, Sijil Pengajian Tahfiz wal Qiraat bertaraf diploma telah ditawarkan dan dinaik taraf menjadi Diploma Pengajian Tahfiz wal Qiraat sejajar dengan perkembangan dan permintaan pendidikan tinggi negara dan antarabangsa (Nordin Ahmad 2015).

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz, sama ada di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau sekolah tahfiz persendirian. Data yang diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2019) menunjukkan, terdapat 936 buah sekolah tahfiz swasta berdaftar di bawah Jakim. Sekolah-sekolah tersebut beroperasi dengan seramai 53,410 enrolmen murid dan 5,886 orang guru di seluruh negara. Namun, pada masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jakim tidak mempunyai data berkaitan sekolah tahfiz yang tidak berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan.

Usaha kerajaan bagi memartabatkan pendidikan tahfiz turut dilihat menerusi penggubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara berdasarkan 5 teras:

- i. Memantapkan aspek undang-undang dan penguatkuasaan;
- ii. Mewujudkan model maahad tahfiz;
- iii. Mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz sesuai arus pendidikan negara;
- iv. Memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz dalam negara; dan
- v. Sistem pengiktirafan dan pensijilan institusi tahfiz.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang dibentuk ini merupakan dokumen penting dan pelan jangka masa panjang dalam usaha mewujudkan sekolah-sekolah tahfiz berkualiti dan diperkasakan mengikut arus perdana. Selari dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga melancarkan dokumen Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) bagi memantapkan institusi tahfiz. Ia memerlukan usaha secara kolektif dan berterusan daripada semua pihak. Hasrat ini dimanifestasikan dalam

pernyataan dasar pertama Pelan Induk PISH agar semua murid tahfiz perlu diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan (Yaacob Yusoff 2017).

Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dilihat menerusi penubuhan sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga badan-badan berkanun yang menggabungkan di antara kurikulum tahfiz al-Quran dengan kurikulum arus perdana (KPM, 2018). Data yang diperoleh menunjukkan, sehingga September 2020, terdapat sebanyak 15 buah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), 19 buah sekolah agama bantuan kerajaan yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), 20 buah sekolah tahfiz kerajaan negeri dan 5 buah sekolah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Walau bagaimanapun, bilangan sekolah-sekolah ini masih belum cukup untuk menampung permintaan yang sangat tinggi daripada masyarakat. Lantas, ia membuka ruang kepada pertumbuhan dan perkembangan sekolah tahfiz persendirian di dalam negara. Situasi ini juga dapat mengisi permintaan yang tinggi daripada ibu bapa yang tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz kerajaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat 1249 buah sekolah tahfiz yang sedang beroperasi di Malaysia (Siti Rashidah 2020). Angka ini dijangka meningkat dari setahun ke setahun. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa kecenderungan ibu bapa dan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini sangat tinggi.

Kemajuan negara pada masa kini turut menuntut masyarakatnya untuk bertindak secara rasional dan agresif untuk survival kehidupan mereka. Kepesatan pembangunan telah memaksa manusia bergerak selari dengan kemajuan tersebut. Banyak aspek kehidupan telah berubah termasuklah pendidikan yang turut menerima tempias yang diakibatkan oleh proses modenisasi itu. Ia perlu diurus dengan baik agar tidak terpinggir oleh kemajuan tersebut. Demikian juga institusi tahfiz yang memerlukan transformasi dan pendekatan baru untuk meneruskan kelangsungan untuk mengangkat kedudukan al-Quran ke tahap yang sepatutnya. Penelitian yang cermat dan jelas perlu dibuat untuk melihat apa yang perlu berubah dan apa pula yang perlu dikekalkan agar institusi tahfiz yang dibangunkan berjaya mencapai objektif dan sasarannya (Ab Rahman, A. et al, 2020).

Mutakhir telah memperlihatkan institusi tahfiz terbahagi kepada tiga bentuk. Pertama, institusi tahfiz yang masih mengekalkan elemen tradisional yang hanya mempelajari ilmu al-Quran dan fardu ain sahaja. Kedua, institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu agama. Dan ketiga institusi tahfiz yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu sains (Nawi, N. H. M., Yusuff, N. A., Yaacob, M. B. C., & Salleh, N. H., 2014). Ia wujud akibat dari proses modenisasi yang telah membentuk disiplin ilmu yang semakin kecil tetapi banyak. Ini menjadikan usaha untuk membentuk kurikulum dan pengagihan masa belajar menjadi semakin sulit.

Kepesatan teknologi masa kini yang bergerak pantas menjadi cabaran baru dalam aspek pendidikan. Intitusi tahfiz sama ada mahu atau tidak terpaksa berdepan dengan kemajuan teknologi agar tidak ketinggalan. Pentadbir dan guru perlu menguasai teknologi agar pengurusan dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi lebih mudah dan berkesan. Ia akan meningkatkan kos pentadbiran, peralatan dan latihan yang sudah semestinya terpaksa ditanggung oleh pelajar. Selain itu, ia juga turut menjadi dilemma di kalangan guru dan pelajar untuk mendalami teknologi, ilmu dan hafazan secara serentak. Beban ini menjadi lebih berat untuk ditanggung oleh institusi tahfiz swasta yang kebanyakannya berada dalam keadaan serba kekurangan.

Sehubungan dengan itu, fokus pengkaji dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti inovasi Tahfiz digital yang berada di pasaran digital seperti Google Play dan Apps Store. Inovasi ini bukti yang menunjukkan bahawa sektor pendidikan pengajian Tahfiz juga telah bergerak seiring dengan pendidikan yang bermodenisasi dan berteknologi.

4.0 Aplikasi Tahfiz Digital

Pendidikan digital kini merupakan salah satu pemacu utama dalam perkembangan ekonomi negara. Penguasaan dalam kemahiran digital menjadi semakin penting di era revolusi industri 4.0, internet dan juga proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi. Walaubagaimanapun, kesemua agenda ke arah pembangunan digital ini dilihat hanyalah sebagai satu kenyataan retorik semata-mata sekiranya jurang digital masih belum meluas dalam negara (Ayob, N. H., Hamzah, I. S., & Aziz, M. A. 2021).

Dalam memperkatakan tentang pembangunan modal digital ini, terdapat dua sudut pandangan yang berbeza, yang menyebabkan penekanan aspek pendidikan digital menjadi berbeza. Dari satu sudut, pembangunan pendidikan digital pada masa kini dilihat bukanlah menjadi fokus utama yang perlu ditekankan, kerana generasi pada masa kini merupakan generasi natif digital yang telah terdedah lebih awal kepada peranti digital dan teknologi. Pengalaman penggunaan peranti digital sejak kecil membolehkan generasi ini membiasakan diri dan menguasai kemahiran digital secara semula jadi seiring dengan pembangunan teknologi digital dalam negara. Justeru, perkara yang perlu lebih dititik beratkan ialah pengurusan dari sudut penyediaan fasiliti dan infrastruktur digital berbanding pembangunan kemahiran digital yang boleh diperolehi secara semula jadi berasaskan pengalaman dan mereka mudah mengadaptasi apa sahaja digital teknologi terkini (Margaryan et al., 2011; Prensky 2009).



Sehubungan dengan itu, medium teknologi dan digital ini adalah sangat penting untuk diaplikasikan dalam bidang pengajian Tahfiz, agar bidang ini tidak tercicir dari kemajuan arus perdana global. Bagi melihat sejauhmana kemajuan bidang ini, pengkaji telah menyenaraikan Sembilan aplikasi Tahfiz digital yang telah dipasarkan di Google Play dan Apps Store di dalam jadual 1.



Jadual 1: Aplikasi Tahfiz Digital

Bil	Aplikasi	Informasi	Imej
1.	تحفيظ القرآن الكريم – Tahfiz: Simppro Google Play	Aplikasi yang membantu anda menghafal Al-Quran dengan mudah dengan memilih pembaca kegemaran anda dan kemudian menentukan Surah dan ayat-ayat yang anda mahu simpan dan nyatakan bilangan kali kekerapan dan tempoh menunggu antara ayat-ayat untuk dapat membaca dengan pembaca serta memaparkan teks ayat semasa	

			
2.	<p>Tahfiz Dulido Mobile: Apps Store</p>	<p>Aplikasi khusus guru dan penjaga pelajar. Tahfiz Du Lido Mobile berfungsi sebagai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aplikasi bantuan yang digunakan Musyrif/ah untuk merekapitulasi Hafalan dan Tadarus pelajar semasa penilaian bulanan bersama Mudir 2. Aplikasi bantuan yang digunakan Mudir, Wali kelas bahkan Wali santri untuk memudahkan monitoring hafalan dan tadarus santri Pesantren Tahfiz Al-Quran Daarul 'Uluum Lido 3. Wali santri dapat melihat tagihan dan tabungan santri 4. Wali santri dapat melakukan pembayaran menggunakan Virtual Account BSI 	
3.	<p>SMART Tahfiz: IMTAZ Google Play</p>	<p>Aplikasi yang dibangun oleh IMTAZ bagi membantu operasi Tahfiz lebih sistematis dan mudah diuruskan di hujung jari.</p> <p>Antara fungsi aplikasi ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Rekod Pelajar 2. Peraturan 	

<p>4.</p>	<p>তাহফিজ কুরআন শরীফ Tahfiz Quran: Bangla Waz Online Ltd. Google Play Bangladesh</p>	<p>Tahfiz merupakan sebuah naskhah al-Quran Sharif. Ayat-ayat besar tidak boleh dibaca dalam bacaan yang panjang, apps ini akan membantu pembaca untuk menyusun bacaan supaya tahu di mana hendak berhenti dan di mana untuk bermula dengan bacaan dan makna yang baik.</p> <p>Justeru apps ini telah menyediakan tanda-tanda dalam Al-Quran merujuk kepada tempat berhenti dan tempat untuk memulakan ayat.</p>	
<p>5.</p>	<p>Quran Memorization: Google Play</p>	<p>Hafazan Al-Quran untuk Pelbagai Bacaan: Abdulbasit Abdulsamad – Rewayat Hafs A'n Assem (Almusshaf Al Mojawwad) Abdulbasit Abdulsamad – Rewayat Hafs A'n Assem (Murattal) Abdullah Al-Johany – Rewayat Hafs A'n Assem (Murattal) Abdullah Al-Mattrod – Rewayat Hafs A'n Assem (Murattal)</p>	

<p>6.</p>	<p>Tahfizul Quran Online: AmTech Solution Google Play</p>	<p>Jadikan perjalanan anda dengan berjaya dengan Aplikasi Hifz Dalam Talian. Kumpulan Shaheen IPT telah membeli Aplikasi Memorizan Al-Quran dengan Kursus Hifzul Quran Plus dan Unit Rawatan Rapi Akademik (AICU). Kami berhasrat untuk memberikan pembelajaran yang terbaik dan paling berpuas hati di depan pintu rumah anda, tidak menunggu Ustaz atau Moulana mengenai Hifz, dengan satu klik kami membawa anda Aplikasi dengan guru untuk menyelesaikan semua masalah anda dengan kekal dalam keselesaan di rumah anda. Hafazan Al-Quran dengan fokus berindividu: Hafiz atau Cikgu ditugaskan kepada setiap pelajar.</p>	
<p>7.</p>	<p>Tahfiz: Gamma Games APK PURE</p>	<p>Menghafal Al-Quran dengan cara interaktif. Aplikasi hafazan al-Quran Tahfiz: 1- Ia membantu hafazan Al-Quran dengan cara yang mudah dan interaktif. 2- Mengulangi semula ayat apabila anda membuat kesilapan. 3- Bahasa Arab - Antara muka pengguna Bahasa Inggeris. 4- Ia boleh ditetapkan untuk mengulangi ayat lebih daripada sekali. 5- Surah boleh ditetapkan untuk mengulangi lebih daripada sekali. 6- Mudah digunakan, walaupun oleh kanak-kanak. 7- Mengawal tahap bunyi dari dalam aplikasi.</p>	

8.	Tahfiz: Muallim al-Quran Apps Store	<p>Aplikasi untuk memudahkan hafazan al-Quran denga suara yang akan memberi manfaat kepada hafazan al-Quran anda. Hifz al-Quran al-Karim dengan baris memudahkan untuk syeikh Muhammad Shodiq al-Manshawi mushaf muallim. Aplikasi ini sesuai untuk kanak-kanak dan dewasa, ia dicirikan untuk boleh memuat turun surah-surah dari al-Quran.</p> <p>Ciri baru aplikasi ini ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Himpunan surah-surah al-Quran 2. Memuat turun surah-surah al-Quran 3. Mempelajari dan menghafaz al-Quran daripada cara mendengar baca qari. 	
9.	Holy Quran & Tahfiz: Hassein Smaoui Apps Store	<p>Belajar dan menghafal al-Quran, bersama aplikasi yang membolehkan anda belajar dan menghafal dengan mudah. Konsepnya dengan mendengar bacaan dari Qari yang disediakan, dan antara kelebihan apps ini ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mempelajari bacaan al-Quran (Juz 'Amma dan lain-lain) 2. Mempunyai Qari al-Quran bagi proses belajar sambil mendengar 3. Ayat al-Quran boleh diulang berkali-kali sehinggalah pengguna mengingatnya 	

Sumber: Google Play & Apps Store

Aplikasi-aplikasi Tahfiz dalam jadual di atas adalah sebagai contoh usaha sama pelbagai pihak dalam memajukan sistem pendidikan Tahfiz ke arah digital dan teknologi, bermakna tidak semestinya pengajian tahfiz itu perlu melalui standard silibus pengajian di madrasah dan di sekolah, namun ia membuka ruang dan peluang untuk orang awam

yang lain turut sama bercita-cita untuk menjadi hafiz al-Quran. Kerana itu medium digital dan teknologi memudahkan dan memotivasikan pengguna agar masing-masing mendapat manfaat bersama. Berdasarkan senarai aplikasi di atas, pengkaji menyimpulkan terdapat pelbagai manfaat secara keseluruhannya, berikut antaranya:

Rajah 1: Manfaat Aplikasi Tahfiz Digital

Muraja'ah bersama guru (online)	Menghafal dengan cara mendengar	Bacaan al-Quran dari Imam yang pelbagai	Ayat al-Quran boleh diulang berkali-kali
Tanda bacaan berhenti dan bermula disediakan	Aplikasi menyimpan data semakan	Penilaian bulanan semakan secara online	Boleh diakses dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab

Sumber: Data Jadual 1

Berdasarkan rajah 1 di atas, terdapat lapan manfaat aplikasi Tahfiz digital yang dapat diadaptasi kepada sistem pengajian Tahfiz di Malaysia, antaranya adalah 1) Konsep muraja'ah bersama guru secara online, 2) Menghafal dengan cara mendengar audio bacaan-bacaan syeikh yang terpilih di dalam aplikasi, 3) Audio bacaan al-Quran dari imam-imam yang masyur dan pelbagai, terutamanya dari masjidil haram, masjid Nabawi dan imam-imam di seantero dunia, 4) Ayat al-Quran secara audio boleh ditetapkan sistem pengulangan ayat berkali-kali, 5) Terdapat juga tanda berhenti dan bermula pada ayat al-Quran di dalam aplikasi, 6) Aplikasi juga menyimpan data-data semakan pelajar berdasarkan kemajuan hafalan pelajar, 7) Aplikasi juga membuat semakan penilaian secara bulanan untuk membantu kemajuan hafalan pelajar, dan 8) Aplikasi juga boleh diakses dengan menggunakan bahasa Melayu, Inggeris dan Arab bagi membantu pelajar di seluruh dunia. Aplikasi sedia ada dilihat memberi banyak manfaat kepada para pelajar dalam pengajian Tahfiz, namun aplikasi khusus perlu dibangunkan dan mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menyeragamkan sistem Tahfiz di seluruh Malaysia dan diimplimentasikan pada semua jenis institusi Tahfiz sama ada kerajaan mahu pun swasta.

5.0 Rumusan

Kesimpulannya, aplikasi-aplikasi ini membantu pengguna agar mudah dalam pebelajaran dan hafalan al-Quran tidak dikira di mana lokasinya, kerana ianya bersifat digital, kemudahan ini sekali gus membuka ruang dan peluang kepada semua golongan sama ada kanak-kanak mahupun dewasa mencapai matlamat sebagai penghafal al-Quran. Dengan kewujudan aplikasi seperti ini, ianya akan menambahkan lagi saingan yang sihat pasaran digital dalam menyediakan kemudahan yang terbaik untuk golongan pelajar-pelajar pengajian Tahfiz di Malaysia.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Sukari, A., Nozlan, N. N., Zakaria, M. A., & Shakor, M. F. A. (2020). *Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz Di Malaysia*.
- Abdullah Jusuh. (1990). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayob, N. H., Hamzah, I. S., & Aziz, M. A. (2021). Merapatkan jurang digital dalam pendidikan: Dasar dan strategi di Malaysia. *J. Tour. Hosp. Environ. Manag*, 6, 157-170.
- Bahari, F. (2008). *Al-Quran Interaktif (Iqra')*. *Tesis Sarjana dalam Sains Komputer*, Fakulti Sains Komputer dan Maklumat yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Fadzlullah Shuib. (1995). *Kecemerlangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan hafazan Al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Al-Turath*, 2(2).
- Ismail, S. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November. 194.
- Jabatan Kemajuan Islam. (2017). *Model Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- KPM. (2018). *Info Media KPM*. Didapatkan dari laman web: <https://www.moe.gov.my/penerbitan/2127-infomedia-bil-06-nov-dis-2018/file>.
- Mardhiah Yahaya. (2016). *Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) di MRSM Ulul Albab*. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, hlm. 76-86. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Mardhiah Yahya. (2021). *Pembangunan model pengajaran tahfiz berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. *Tesis PhD*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak.
- Margaryan, A., Littlejohn, A., & Vojt, G. (2011). Are digital natives a myth or reality? University students' use of digital technologies. *Computers and Education*, 56(2), 429-440. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2010.09.004>.
- Murihah Abdullah. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*. International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship di Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi pada 12-14 Oktober.
- M. Arinal Ihsan. (2015). *Aplikasi Muroja'ah al-Quran sebagai medium untuk membantu menghafal Juz Amma berbasis Android*. *Tesis Sarjana*. Universiti Muhammadiyah: Malang.
- Nawi, N. H. M., Yusuff, N. A., Yaacob, M. B. C., & Salleh, N. H. (2014). *Matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan: satu pengamatan awal*. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Mei.

- Nordin Ahmad. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa HuffazKali Ke IV, Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor pada 1 hingga 3 Jun.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. (2015). *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal*. Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Prensky, M. (2009). Sapiens Digital: From Digital Immigrants and Digital Natives to Digital Wisdom. *Innovate: Journal of Online Education*, 5(35).
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational Dualism in Malaysia; Implication for Theory and Practice*. Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. The Relationship between Spiritual Practice and Student'S Academic Performance. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*, 4(2), 51–60. doi:10.1073/pnas.0703993104.
- Shamsul, A. B. (2002). *Islam Embedded: Political Islam and Governance in Southeast Asia*. An International Conference on Islam in Southeast Asia: Political Socia and Strategic Challenges for the 20st Century, ISEAS Singapore, 2-3 September.
- Syed Hassan, S. N., Zainuzi, N. I. H. M., Asa, S. N. B. M., Zamzuri, S. N. A. B., & Zulkarnain, A. E. B. (2022). Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. *Journal of Islamic*, 7(50).
- Siti Rashidah. (2020). *Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor*.
- Shokri, S. S. M., Salihan, S., & Abd Hamid, M. H. (2021). Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Digital innovation in teaching & learning Tahfiz programme at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 495-507.
- Yaacob Yusoff. (2017). *Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia.